

SUSUNAN LIBAT URUS TAKRIFAN DAN RANGKA PIAWAIAN UCAPAN KEBENCIAN

**KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA
KEHARMONIAN KAUM DAN AGAMA**

5 DISEMBER 2025

Disediakan oleh: Architects of Diversity (Sekretariat)

Ringkasan dan Latar Belakang

Pada 20hb Ogos 2025, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) Keharmonian Kaum dan Agama telah bersetuju untuk membangunkan suatu dokumen takrifan dan rangka piawaian ucapan kebencian termasuk ucapan yang berkaitan dengan "3R" (*race*, *religion* dan *royalty*).

Susulan sesi libat urus bersama Kementerian Perpaduan Negara dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, kalangan ahli KRPPM-KKA berpendapat bahawa adanya kekaburan definisi "3R" atau ucapan kebencian yang sering digunakan tanpa takrifan rasmi, memberi ruang kepada interpretasi yang luas. Hal ini termasuk kepada peruntukan undang-undang yang mempunyai bidang kuasa penguatkuasaan terhadap ucapan kebencian, termasuk Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan Akta Keselamatan Dalam Talian 2024.

KRPPM-KKA ambil maklum peruntukan Perlembagaan Persekutuan Perkara 8 berkaitan kesamarataan, Perkara 10 berkaitan kebebasan bersuara, Perkara 153 berkaitan perlindungan hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera, serta Perkara 181 berkaitan kedaulatan dan prerogatif Raja-Raja Melayu. KRPPM-KKA juga mengambil maklum kes *Heidy Quah Gaik Li vs Kerajaan Malaysia (B-01(A)-514-10-2023)* yang telah memutuskan pada 19 Ogos 2025 bahawa perkataan "*offensive*" dan "*annoy*" dalam Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 adalah tidak konsisten dengan Perlembagaan Persekutuan kerana terlalu luas, subjektif dan berpotensi menghukum kenyataan yang benar dan kebebasan bersuara.

Sehingga kini, tiada dokumen rasmi kerajaan yang menyatakan takrif dan piawai ucapan kebencian yang konsisten di bawah undang-undang. Penguatkuasaan terhadap perkara tersebut yang bergantung kepada interpretasi yang berpotensi menimbulkan ketidakpastian dan kekurangan konsistensi. Dokumen yang dicadangkan diharapkan dapat menjadi rujukan objektif dan membantu mengurangkan kekaburan dalam penguatkuasaan undang-undang.

Objektif

1. Mencadangkan satu takrifan rasmi bagi ucapan kebencian yang mengambil kira keseimbangan antara kebebasan bersuara yang dijamin Perlembagaan Persekutuan dan keperluan mengekalkan keharmonian sosial dalam masyarakat majmuk Malaysia.
2. Mencadangkan suatu rangka piawaian bagi menentukan ambang (threshold) sesuatu ucapan atau kenyataan yang boleh dianggap sebagai kesalahan jenayah, dengan **penentuan faktor-faktor** seperti niat dan impak yang patut diambil kira dalam pertimbangan tersebut.
3. Menyediakan contoh ilustratif bagi membezakan antara ucapan yang tergolong sebagai ucapan kebencian dan ucapan yang sebaliknya, untuk menjadi rujukan kepada penguatkuasa undang-undang, penyedia platform serta masyarakat umum.

Soalan-Soalan Libat Urus Utama

1. Apakah **definisi** ucapan kebencian yang harus digunakan dalam tafsiran undang-undang Malaysia?

2. Apakah **faktor** yang patut dipertimbangkan dalam penentuan ucapan kebencian mencapai **nilai ambang (*threshold*) dianggap sebagai kesalahan jenayah**?

Soalan-soalan akan ditambah susulan setiap fasa libat urus bagi memperhalus skop perbincangan dan proses keputusan KRPPM-KKA.

Skop Libat Urus

Perkara Diliputi	Perkara Tidak Diliputi
• Cadangan definisi operasi yang sesuai untuk konteks Malaysia, termasuk perbezaan antara jenis-jenis ucapan • Ucapan kebencian dan ucapan berkaitan "3R" • Prinsip penentuan sama ada sesuatu ucapan kebencian perlu ditangani melalui pendekatan jenayah, termasuk faktor penilaian seperti niat, bentuk penyebaran, impak dan konteks • Keselarasan dengan undang-undang sedia ada • Cadangan penggunaan dokumen takrifan dan piawaian sebagai <i>non-binding reference</i> dalam merangka garis panduan dalaman	• Cadangan pindaan undang-undang - dokumen ini tidak bertujuan untuk mencadangkan pindaan langsung terhadap mana-mana akta atau peraturan • Prosedur penguatkuasaan atau pendakwaan, tidak akan mencadangkan tatacara penyiasatan atau pendakwaan berkaitan kes ucapan kebencian • Pengurusan kandungan platform media sosial secara teknikal, termasuk pengawalan kandungan atau dasar dalam syarikat • Ucapan berkaitan kesalahan dalam undang-undang lain seperti fitnah • Langkah-langkah mengatasi ucapan kebencian, termasuk cadangan program dan aktiviti

Sebagai rujukan, *Rabat Plan of Action* (2012) nukilan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Hak Asasi Manusia (OHCHR) membawa definisi dan penilaian ambang undang-undang menggunakan [Rabat Threshold Test](#).

Garis Masa [Tentatif]

Perkara	Sasaran
Tempoh Hantaran Cadangan Bertulis	5 Disember - 31 Disember 2025
Tempoh Mesyuarat Libat Urus Fasa Pertama bersama Pemegang Taruh Utama	8 Januari - 30 Mac 2026
Perangkaan Draf Pertama [Dalaman]	1 April - 1 Mei 2026
Perangkaan Draf Pertama [Bersama Ahli KRPPM-KKA]	1 Mei - 30 Jun 2026
Tempoh Maklum Balas Bertulis Draf Pertama	1 Julai - 1 Ogos 2026
Perangkaan Draf Kedua	1 Ogos - 31 Ogos 2026
Tempoh Mesyuarat Libat Urus Fasa Kedua bersama Pemegang Taruh Utama	1 September - 30 September 2026
Pelancaran Dokumen	Oktober/November 2026

Pemegang Taruh Utama

1. Ahli Parlimen
2. Wakil Parti-Parti Politik
3. Ahli Pentadbiran, Penjawat Awam dan Agensi Penguatkuasaan
4. Majlis Peguam
5. Persatuan-Persatuan Komuniti Setempat dan Masyarakat Sipil
6. Institusi, Organisasi dan Pemimpin Agama dan Kaum
7. Badan-Badan Pemikir dan Institusi Penyelidikan
8. Organisasi Media termasuk Penyedia Media Sosial

Pendekatan dan Proses Libat Urus

1. Mesyuarat Libat Urus

Sesi libat urus bersemuka akan dianjurkan bagi mengumpul pandangan secara mendalam termasuk memudahcara perbincangan terbuka dan pertukaran padangan rentas sektor bagi memastikan pelbagai perspektif diambil kira secara menyeluruh. Mesyuarat-mesyuarat utama akan dijalankan di Kuala Lumpur, manakala sesi-sesi tambahan akan diadakan di kawasan Parlimen ahli KRPPM-KKA bagi memudahcara penyertaan lebih meluas dan penglibatan komuniti setempat.

2. Maklum Balas Bertulis

Bagi memudahkan penglibatan pemegang taruh serta mengumpul pandangan secara lebih tersusun, hantaran maklum balas bertulis akan menjadi antara saluran utama. Maklum balas bertulis bertujuan membolehkan penglibatan daripada pihak yang tidak dapat hadir secara langsung serta memastikan proses penyediaan dokumen berlangsung secara telus.

Prinsip Libat Urus

1. Keterbukaan

Proses libat urus adalah bersifat terbuka di mana KRPPM-KKA berada dalam kedudukan untuk mendengar dan mengambil kira pendapat sebelum membuat keputusan. Pelbagai cara penglibatan akan disediakan kepada pemegang taruh, termasuk kaedah dalam talian bagi pihak yang tidak dapat mewakili diri secara fizikal.

2. Ketelusan

Input dan maklum balas daripada semua pemegang taruh akan dikumpul, disusun dan diedarkan balik kepada pemegang taruh. Sekretariat KRPPM-KKA bertanggungjawab memudahcara perkongsian maklumat dan memastikan proses rundingan memberikan peluang untuk pemegang taruh melibatkan diri dengan masa dan maklumat yang mencukupi.

3. Keterwakilan

Sekretariat KRPPM-KKA akan berusaha untuk memastikan proses libat urus melibatkan keterwakilan yang luas dan seimbang daripada pelbagai lapisan masyarakat serta sektor berkepentingan.

4. Keterlibatan Berterusan

Libat urus dianggap proses berterusan bagi membolehkan semakan dan pengemaskinian dokumen mengikut perkembangan semasa. Sekretariat KRPPM-KKA sedar bahawa adalah mustahil untuk mencapai persetujuan penuh daripada semua pihak yang terlibat, namun proses ini diusahakan dengan niat untuk mencapai keputusan yang dibuat secara termaklum dan telus.

5. Berteraskan Bukti dan Data

Libat urus menekankan kepentingan pandangan dan cadangan yang disertai dengan bukit, data atau pengalaman yang boleh membantu memperkukuh pemahaman terhadap persoalan-persoalan utama. Dalam masa yang sama, setiap pertimbangan akan dibuat dengan keutamaan agar selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan prinsip hak asasi yang dijunjung bersama.

6. Kontekstual dan Keseimbangan Wajar

Libat urus mengambil kira realiti sosial Malaysia sebagai masyarakat majmuk, dengan memberi penekanan kepada nilai dan konsensus tempatan yang membentuk asas kedaulatan negara. Pada masa yang sama, pertimbangan sewajar turut diberikan kepada piawaian dan amalan antarabangsa yang relevan agar dapat mencapai keseimbangan antara realiti semasa dan aspirasi masa depan.

Lampiran A: Senarai Ahli Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Keharmonian Kaum dan Agama

Ahli Parlimen

1. Pengerusi: YB Tuan Syahredzan Johan (PH-Bangi)
2. Timbalan Pengerusi 1: YB Senator Datuk Seri Mujahid Yusof Rawa (PH)
3. Timbalan Pengerusi 2: YB Dr. Hajah Halimah Ali (PN-Kapar)
4. YB Tuan Yuneswaran a/ Ramaraj (PH-Segamat)
5. YB Tuan Riduan Rubin (Bebas-Tenom)
6. YB Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah (PN-Indera Mahkota)
7. YB Dato' Sri Doris Sophia Anak Brodi (GPS-Sri Aman)
8. YB Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (PN-Kuala Langat)
9. YB Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman (MUDA-Muar)
10. YB Tuan Haji Suhaizan Kaiat (PH-Pulai)
11. YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas (PN-Mersing)
12. YB Tuan Lee Chean Chung (PH-Petaling Jaya)

Rakan KRPPM-KKA

13. Dr Murni binti Wan Mohd Nor (IDFR)
14. Prof Madya Dr Syaza Farhana binti Mohd Shukri (UIAM)
15. Dr Fatimah Al Attas (UIAM)
16. Dr Abdul Muqit bin Muhammad (OUM)
17. Dr Sabariah Harun (IKRAM Malaysia)
18. Tuan Andrew Khoo (Majlis Peguam Malaysia)
19. Puan Maha Balakrishnan
20. Dr Shatesh Kumar a/I Sangar (Pejabat Menteri Perpaduan)

Sekretariat

21. Tuan Jason Wee (Architects of Diversity)
22. Tuan Muhammad Amin Mubarak (Architects of Diversity)
23. Tuan Muhammad Najmi Hakim Mohd Fathil (Architects of Diversity)

Lampiran B: Rujukan Utama Undang-Undang Sedia Ada

A. Akta Hasutan 1948

Seksyen 3

- 1) Sesuatu "kecenderungan menghasut" ialah kecenderungan—
 - a) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan;
 - b) bagi membangkitkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba mendapatkan perubahan, dengan apa-apa cara selain cara yang sah, apa-apa jua yang wujud menurut undang-undang di dalam wilayah Raja itu atau wilayah yang diperintah oleh Kerajaan itu;
 - c) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia atau di mana-mana Negeri;
 - d) bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Yang di-Pertuan Agong atau rakyat Raja mana-mana Negeri atau di kalangan penduduk Malaysia atau penduduk mana-mana Negeri;
 - e) bagi mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; atau
 - f) bagi mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.
- 2) Walau apa pun apa-apa jua dalam subseksyen (1), sesuatu perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain tidak boleh disifatkan sebagai menghasut semata-mata oleh sebab perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu mempunyai kecenderungan—
 - a) bagi menunjukkan bahawa mana-mana Raja telah dikelirukan atau tersilap dalam apa-apa langkah yang diambil olehnya;
 - b) bagi menunjukkan kesilapan atau kecacatan dalam mana-mana Kerajaan atau perlembagaan sebagaimana yang diwujudkan oleh undang-undang (kecuali berkenaan dengan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang disebut dalam perenggan (1)(f) selain yang berhubungan dengan pelaksanaan mana-mana peruntukan yang berhubungan dengannya) atau dalam perundangan atau dalam pentadbiran keadilan dengan tujuan hendak membetulkan kesilapan atau kecacatan itu;
 - c) kecuali berkenaan dengan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang disebut dalam perenggan (1)(f)—
 - i) bagi meyakinkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba untuk mendapatkan perubahan, dengan cara yang sah, apa-apa perkara di dalam wilayah Kerajaan itu sebagaimana yang diwujudkan oleh undang-undang; atau
 - ii) bagi menunjukkan, dengan tujuan hendak menghapuskannya, apa-apa perkara yang menimbulkan atau yang mempunyai kecenderungan untuk menimbulkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Persekutuan, jika perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu tidak, dengan apa-apa cara lain, sebenarnya mempunyai kecenderungan menghasut.
- 3) Bagi maksud membuktikan pelakuan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini niat orang yang dipertuduh itu pada waktu dia melakukan atau cuba melakukan atau membuat apa-apa persediaan untuk melakukan apa-apa perbuatan atau pada waktu dia berkomplot dengan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa perbuatan atau pada waktu dia menyebut apa-apa perkataan menghasut atau pada waktu dia mencetak, menerbitkan, menjual, menawarkan untuk dijual, mengedarkan, mengeluarkan semula atau mengimport apa-apa penerbitan atau pada waktu dia melakukan apa-apa

benda lain hendaklah disifatkan sebagai tidak berkaitan jika sebenarnya perbuatan itu mempunyai kecenderungan menghasut, atau, jika dilakukan, akan mempunyai kecenderungan menghasut, atau jika sebenarnya perkataan, penerbitan atau benda lain itu mempunyai kecenderungan menghasut.

B. Kanun Keseksaan

BAB XV

KESALAHAN-KESALAHAN BERKENAAN DENGAN AGAMA

295. Membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan.

Barang siapa membinasakan, merosakkan atau mencemarkan mana-mana tempat sembahyang, atau apa-apa benda yang dipegang suci oleh mana-mana golongan orang, dengan niat dengan jalan demikian itu hendak mengaibkan agama mana-mana golongan orang, atau dengan mengetahui bahawa mana-mana golongan orang mungkin mensifatkan kebinasaan, kerosakan atau pencemaran itu sebagai suatu keaiban kepada agama mereka, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

296. Mengganggu perhimpunan yang menjalankan sembahyang.

Barang siapa, dengan sengaja menyebabkan gangguan kepada mana-mana perhimpunan yang sedang menjalankan sembahyang atau upacara agama dengan sah di sisi undang-undang, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai setahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

297. Pencerobohan di tempat-tempat perkuburan, dsb.

Barang siapa, dengan niat hendak melukakan perasaan seseorang, atau mengaibkan agama seseorang, atau dengan mengetahui bahawa perasaan seseorang mungkin dilukakan, atau bahawa agama seseorang mungkin diaibkan dengan jalan demikian itu, melakukan apa-apa pencerobohan di mana-mana tempat sembahyang atau mana-mana tempat perkuburan atau mana-mana tempat yang dikhaskan bagi menjalankan istiadat kebumian, atau sebagai tempat simpanan mayat, atau memberi apa-apa penghinaan kepada mayat, atau menyebabkan gangguan kepada mana-mana orang yang berhimpun bagi menjalankan upacara kebumian, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai setahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

298. Menyebut perkataan-perkataan, dsb., dengan sengaja berniat hendak melukakan perasaan agama seseorang.

Barang siapa, dengan sengaja berniat hendak melukakan perasaan agama seseorang, menyebut apa-apa perkataan atau membuat apa-apa bunyi dalam pendengaran orang itu, atau membuat apa-apa isyarat dalam penglihatan orang itu, atau meletakkan apa-apa benda dalam penglihatan orang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai setahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

298A. Menyebabkan, dsb., di atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci membenci atau niat jahat, atau memudaratkan, dsb., pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan.

(1) Barang siapa dengan perkataan, sama ada secara lisan atau bertulis, atau dengan isyarat, atau dengan pernyataan zahir, atau dengan apa-apa perbuatan, aktiviti atau kelakuan, atau dengan mengelolakan,

memajukan atau mengaturkan, atau membantu dalam mengelolakan, memajukan atau mengaturkan, apa-apa aktiviti, ataupun tidak dalam apa-apa cara lain—

(a) menyebabkan atau cuba menyebabkan, atau yang berkemungkinan menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci membenci atau niat jahat; atau

(b) memudaratkan, atau cuba memudaratkan, atau yang berkemungkinan memudaratkan, pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan,

di atas alasan-alasan agama, di antara orang-orang atau kumpulan-kumpulan orang yang menganut agama yang sama atau yang berlainan agama, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih dari lima tahun.

...

BAB XXII

MENAKUTKAN SECARA JENAYAH, AIB DAN KEGUSARAN

505. Kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam.

Barang siapa membuat, menerbitkan atau mengedarkan apa-apa kenyataan, khabar angin atau berita—

(a) dengan niat hendak menyebabkan, atau yang mungkin menyebabkan, mana-mana pegawai, askar, kelasi atau penerbang dalam Angkatan Tentera Malaysia atau mana-mana orang yang tersebut dalam seksyen 140b melakukan dahagi ataupun tidak mengendahkan atau tidak menjalankan kewajibannya sebagai yang demikian;

(b) dengan niat hendak menyebabkan, atau yang mungkin menyebabkan, ketakutan atau kegenteran kepada awam, atau kepada mana-mana golongan awam supaya oleh yang demikian itu seseorang mungkin terdorong melakukan sesuatu kesalahan terhadap Negara atau terhadap ketenteraman awam; atau

(c) dengan niat hendak mengapikan atau yang mungkin mengapikan mana-mana golongan atau kaum melakukan sesuatu kesalahan terhadap mana-mana golongan atau kaum lain,

hendaklah diseksa dengan penjara yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Kecualian—Maka tidaklah menjadi suatu kesalahan dalam erti seksyen ini, jika orang yang membuat, menerbitkan atau mengedarkan apa-apa kenyataan, khabar angin atau berita itu ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa kenyataan, khabar angin atau berita itu adalah betul dan orang itu membuat, menerbitkan atau mengedarkannya dengan tiada apa-apa niat yang tersebut itu.

C. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

[Pindaan 2024]

Seksyen 233 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan 1(a)—

(i) dengan menggantikan perkataan “jelic” dengan

(ii) dengan menggunakan perkataan “atau mengganggu orang lain” dengan perkataan “, mengganggu atau melakukan suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan kepada, mana-mana orang”;

Huraian 1 — Kandungan lucah boleh melibatkan kandungan yang menimbulkan rasa jijik kerana gambarannya yang memberahikan yang boleh menyinggung tanggapan adab seseorang berhubung dengan kesopanan dan kehormatan, mempunyai kemungkinan akan mendatangkan pengaruh negatif dan merosakkan pemikiran mereka yang mudah dipengaruhi. Berhubung dengan kanak-kanak, kandungan lucah termasuk tetapi tidak terhad kepada pengantunan seksual kanak-kanak, penghinaan seksual dengan memaparkan gambaran mana-mana individu untuk hanya dilihat sebagai objek seks atau untuk merendahkan maruah, mengeksploitasi atau mendiskriminasi mereka, pemaparan seks atau pornografi termasuklah rogol, percubaan merogol terhadap kanak-kanak, seks bersifat kebinatangan, sama ada ia dipersetujui ataupun sebaliknya.

Huraian 2 — Kandungan sumbang boleh melibatkan kandungan yang bersifat tidak senonoh, tingkah laku yang tidak sopan dan bertentangan dengan kelakuan yang diterima umum, adat dan budaya. Kandungan yang memaparkan bahagian sulit tubuh badan yang berasaskan seni, maklumat atau sains yang tidak melampau, adalah tidak sumbang. Berhubung dengan kanak-kanak, kandungan sumbang termasuk tetapi tidak terhad kepada kandungan berkenaan kanak-kanak yang bersifat tidak senonoh, tingkah laku yang tidak sopan dan tidak sesuai untuk kanak-kanak menurut pertimbangan orang dewasa yang munasabah.

Huraian 3 — Kandungan yang memaparkan bahagian sulit yang berasaskan seni, maklumat atau sains yang tidak melampau seperti pendidikan seksual atau bidang anatomi, adalah tidak lucah atau sumbang.

Huraian 4 — Kandungan palsu boleh melibatkan kandungan atau maklumat yang tidak benar, mengelirukan, tidak lengkap atau mengada-adakan perkara yang tidak wujud. Kandungan berbentuk satira dan parodi atau dalam keadaan yang jelas bahawa ia ialah fiksiyen, adalah tidak palsu.

Huraian 5 — Kandungan mengancam boleh melibatkan kandungan yang menyebabkan gangguan, ancaman kecederaan dan kejahatan, menggalakkan dan mendorong kepada perbuatan jenayah atau menjurus kepada ketidaktenteraman awam. Berhubung dengan kanak-kanak, kandungan mengancam termasuk tetapi tidak terhad kepada—

- (a) kandungan yang boleh menimbulkan gangguan emosi, seperti paparan kematian yang mengerikan dan keganasan rumah tangga; atau*
- (b) kandungan yang boleh menyebabkan kanak-kanak meniru perbuatan yang dipaparkan tersebut, seperti kandungan yang mempunyai kecenderungan bunuh diri, aksi fizikal yang berbahaya, aksi jenayah di jalanan, ataupun penggunaan dadah.*

Huraian 6 — Kandungan jelik melampau boleh termasuk kandungan yang memaki dan tidak senonoh yang menyinggung perasaan ramai pihak termasuk rujukan yang kasar, ucapan bernada kebencian dan keganasan seperti yang berikut:

(a) rujukan yang kasar ialah perkataan yang lucah, menyinggung perasaan, kasar atau tidak senonoh. Namun, penggunaan perkataan sedemikian dalam konteks yang membawa maksud maknanya yang biasa dan bukan bertujuan untuk digunakan sebagai bahasa yang kasar adalah tidak jelik melampau;

(b) ucapan bernada kebencian yang merujuk mana-mana perkataan, visual, audio dan isyarat yang menghina atau menjatuhkan maruah seseorang adalah jelik melampau;

(c) pemaparan keganasan dalam laporan berita berdasarkan etika kewartawanan adalah tidak jelik melampau. Berhubung dengan kanak-kanak, kandungan yang memaparkan adegan keganasan yang digambarkan dalam konteks kemanusiaan atau bagi tujuan perkembangan watak dan plot, adalah tidak jelik melampau; atau

(d) apa-apa komunikasi yang dibuat dengan suci hati adalah tidak jelik melampau setakat mana komunikasi tersebut terdiri daripada pernyataan fakta, adalah benar pada isi dan fakta, dan terdiri daripada pernyataan pendapat.”;

233. Improper use of network facilities or network service, etc.

1) A person who —

- a) by means of any network facilities or network service or applications service knowingly —
 - i) makes, creates or solicits; and
 - ii) initiates the transmission of, any comment, request, suggestion or other communication which is obscene, indecent, false, menacing or offensive in character with intent to annoy, abuse, threaten or harass another person; or
 - iii) initiates a communication using any applications service, whether continuously, repeatedly or otherwise, during which communication may or may not ensue, with or without disclosing his identity and with intent to annoy, abuse, threaten or harass any person at any number or electronic address,

commits an offence.

2) A person who knowingly —

- a) by means of a network service or applications service provides any obscene communication for commercial purposes to any person; or
- b) permits a network service or applications service under the person's control to be used for an activity described in paragraph (a),

commits an offence.

3) A person who commits an offence under this section shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and shall also be liable to a further fine of one thousand ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

D. RUU Keselamatan Dalam Talian 2024

First Schedule [Section 4]

HARMFUL CONTENT

1. Content on child sexual abuse material as provided for under section 4 of the Sexual Offences against Children Act 2017 [Act 792]

2. Content on financial fraud
3. Obscene content including content that may give rise to a feeling of disgust due to lewd portrayal which may offend a person's manner on decency and modesty
4. Indecent content including content which is profane in nature, improper and against generally accepted behavior or culture
5. Content that may cause harassment, distress, fear or alarm by way of threatening, abusive or insulting words or communication or act
6. Content that may incite violence or terrorism
7. Content that may induce a child to cause harm to himself
8. **Content that may promote feelings of ill-will or hostility amongst the public at large or may disturb public tranquility**
9. Content that promotes the use or sale of dangerous drugs.